



# PEMBERITAHUAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

15 Februari 2024

Para konsultan & pelabur yang dihormati sekalian,

## **PERATURAN PELABURAN KE PMB SHARIAH CASH MANAGEMENT FUND (SCMF) MELALUI SKIM PELABURAN AHLI (SPA) KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

1. Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada Garis Panduan SPA KWSP kemaskini 24 Januari 2024 dan berkuatkuasa pada 5 Februari 2024. Menurut klausa **5.4(d) Dana Pasaran Wang: Sebarang Institusi Yang dilantik mesti:**
  - d) **Pilihan Asal:** *Sebagai pilihan asal, dalam masa empat belas (14) Hari Kalendar sebelum had masa di bawah klausa 5.4(b) berakhir, jika institusi tersebut gagal memperolehi arahan daripada Pelabur SPA seperti di bawah klausa 5.4(c) selepas mengambil usaha yang munasabah, mencairkan pelaburan Ahli tersebut di dalam Dana Yang Diluluskan di bawah sub-kategori pasaran wang dan memulangkan amaun tersebut ke dalam Akaun 1 KWSP Ahli, berdasarkan sebarang arahan yang dikeluarkan oleh KWSP.*
2. Klausa di atas membawa maksud bahawa PMB Investment Berhad akan melakukan 'Force Redemption' dalam masa empat belas (14) Hari Kalendar sebelum had masa bagi dana SCMF jika tidak menerima sebarang permohonan untuk jualan (*redemption*) atau penukaran dana (*switching*) kepada dana yang diluluskan. Seperti sedia maklum dana SCMF hanya dibenarkan untuk berada di dalam dana tersebut bagi tempoh masa (6) enam bulan berturut-turut yang dikira berdasarkan konsep '*First-In-First-Out*'.
3. Sekiranya KWSP mendapat terdapat keraguan yang munasabah ke atas transaksi tersebut, pihak KWSP mempunyai hak untuk melakukan siasatan dan mengambil tindakan jika didapati bersalah.
4. Jika pelanggaran kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh KWSP dilakukan oleh konsultan, pihak syarikat mempunyai kuasa untuk menolak/memotong komisen konsultan yang melakukan kesalahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

Bagi pihak **PMB INVESTMENT BERHAD**

**MAHANI IBRAHIM**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**PMB Investment Berhad** (256439-D)  
(A member of Pelaburan MARA Group)  
2nd Floor, Wisma PMB  
No. 1A, Jalan Lumut, P.O. Box 10701  
50722 Kuala Lumpur  
T: (03) 4145 3800 F: (03) 4145 3901  
E: [enquiry@pelaburanmara.com.my](mailto:enquiry@pelaburanmara.com.my)  
W: [www.pmbinvestment.com.my](http://www.pmbinvestment.com.my)

15/2